
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

SBU313 - Kerajaan Tempatan dan Undang-Undang Perbandaran

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab mana-mana **TIGA (3)** soalan sahaja. Setiap soalan adalah 100 markah.

1. Sistem kerajaan tempatan mula diamalkan di Malaysia setelah kerajaan tempatan pertama ditubuhkan oleh pentadbiran Inggeris di bandar George Town, Pulau Pinang sekitar tahun 1800. Semenjak itu, beberapa pengubahsuaian telah dilakukan ke atas sistem kerajaan tempatan dari segi pentadbiran dan pelaksanaannya.
 - a) Huraikan ciri-ciri dan kepentingan konsep kerajaan tempatan dalam konteks negara Malaysia.
 - b) Mengapakah sistem kerajaan tempatan di negara ini mengalami satu proses penyusunan semula selepas tahun 1976?

2. Bandar merupakan pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan yang pesat dalam sesebuah negara. Menurut Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dalam konteks Semenanjung Malaysia, kadar perbandaran negara dijangka meningkat sehingga 75% menjelang tahun 2020. Sehubungan itu, Dasar Perbandaran Negara telah diwujudkan bagi memandu dan menyelaras perancangan dan pembangunan bandar di Malaysia supaya lebih efisien dan efektif.
 - a) Apakah kesan proses urbanisasi (pembandaran) terhadap keberkesanan fungsi kerajaan tempatan di Malaysia?
 - b) Berikan deskripsi ringkas mengenai Dasar Perbandaran Negara dan bincangkan kepentingan melaksanakan dasar tersebut di negara ini.

3. Salah satu cabaran utama yang dihadapi oleh kebanyakan bandar di negara-negara sedang membangun ialah kaedah tadbir urus bandar yang kurang berkesan. Kaedah tadbir urus bandar yang tidak berkesan menyebabkan timbulnya pelbagai masalah dalam pembangunan sesebuah bandar dan kemusnahan alam sekitar.
 - a) Huraikan ciri-ciri tadbir urus bandar yang baik atau berkesan (*good urban governance*) sebagaimana yang digariskan oleh Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP).
 - b) Bincangkan peranan kerajaan tempatan dalam melaksanakan tadbir urus bandar yang berkesan.

4. Setiap projek pembangunan fizikal yang dilaksanakan mempunyai implikasi terhadap alam sekitar. Oleh itu, salah satu fungsi utama kerajaan tempatan adalah melaksanakan kawalan pembangunan ke atas setiap projek pembinaan dalam kawasan pentadbiran mereka.
 - a) Jelaskan tujuan dan matlamat utama kerajaan tempatan melaksanakan kawalan pembangunan.
 - b) Bincangkan bagaimana kerajaan tempatan mempraktikkan fungsi kawalan pembangunan tersebut.

5. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) telah memperuntukkan kuasa kepada setiap Kerajaan Negeri untuk melantik ahli majlis kerajaan tempatan dalam kawasan pentadbiran mereka. Namun, ada pihak yang berpendapat bahawa pemilihan ahli majlis melalui pilihan raya umum sebagaimana yang dicadangkan dalam Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (1970) adalah lebih sesuai pada masa kini.
 - a) Bincangkan faktor-faktor yang menyebabkan timbulnya pendapat bahawa pemilihan ahli majlis kerajaan tempatan melalui proses pilihan raya adalah lebih sesuai dalam keadaan semasa.
 - b) Adakah perlu sistem pilihan raya kerajaan tempatan diwujudkan semula? Hujahkan dengan memberi contoh-contoh yang sesuai.

6. Kerajaan tempatan di Malaysia telah diberikan kuasa melalui Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) untuk membuat, meminda atau menghapuskan undang-undang kecil. Sehubungan itu, setiap kerajaan tempatan di negara ini telah mewujudkan dan melaksanakan pelbagai undang-undang kecil dalam mentadbir kawasan tempatan masing-masing seperti undang-undang kecil yang mengawal kebersihan dan aktiviti penjajaan.
 - a) Apakah yang dimaksudkan dengan undang-undang kecil?
 - b) Bincangkan masalah yang sering dihadapi oleh kerajaan tempatan dalam melaksanakan undang-undang kecil penjaja dan kemukakan cadangan untuk mengatasi setiap masalah berkenaan.